

30/08/2000

Bukti sumbangan wanita diiktiraf

JAMINAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan sedia menimbang mewujudkan kementerian khas bagi menjaga hal ehwal wanita sudah pasti melegakan golongan hawa itu. Ia bersesuaian dengan rumusan yang dicapai dalam Persidangan Khas Wanita 2000 semalam yang meminta sebuah kementerian khusus bagi wanita, keluarga dan kanak-kanak diwujudkan bagi menjamin kesinambungan pembangunan rakyat dan negara.

Antara rumusan lain yang dicapai ialah meminta 'gender budgeting' dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) untuk kemudahan pusat asuhan bagi bayi dan kanak-kanak kecil, keselamatan sosial untuk wanita dan suri rumah. Jaminan Perdana Menteri itu membuktikan bahawa kerajaan kini mengiktiraf peranan wanita yang banyak memberi sumbangan dalam pembangunan negara berikutan semakin ramai golongan itu memasuki bidang pekerjaan yang sebelum ini dikuasai kaum lelaki.

Sebagai bukti, bidang yang selama ini dipelopori lelaki seperti jurutera dan pemandu pesawat terbang juga telah dituruti mereka dan tidak lagi menjadi perkara yang luar biasa. Sebagai kumpulan mengandungi separuh daripada jumlah penduduk, tumpuan sewajarnya diberi kepada hal ehwal wanita untuk membolehkan mereka memberi sumbangan yang sewajarnya terhadap pembangunan negara.

(END)